

Tarikh Dibaca: 28 Oktober 2022M | 02 Rabi'ul Akhir 1444H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“PEMIMPIN DAN MASA DEPAN”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



"PEMIMPIN DAN MASA DEPAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ²

¹ al-Nur: 55

² ali-Imran: 102



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan para jemaah agar bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi hamba Allah yang diredai di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: "**PEMIMPIN DAN MASA DEPAN**".

Hadirin Jumaat sekalian,

Pemimpin dan masa depan adalah dua elemen yang saling berkaitan. Seseorang pemimpin itu adalah seseorang yang memiliki daya, keupayaan dan kecekapan supaya pencapaian masa depan sebuah negara mampu dibentuk dengan baik. Kepimpinan dalam Islam bukan satu kemegahan, keistimewaan atau kelebihan. Ianya adalah amanah, mandat yang berat dan kebertanggungjawabannya akan dipersoal di dunia lagi dan dihadapan Allah SWT. Pemimpin yang beramanah, ikhlas, adil dan mengutamakan kepentingan umum adalah golongan pertama yang mendapat naungan Allah SWT di akhirat kelak. Sekiranya cuai dan gagal, maka ianya adalah penghinaan serta penyesalan bagi seseorang yang memikul amanah.

Diriwayatkan daripada Abu Dzar Radiallahuanhu bahawa beliau bertanya kepada Rasulullah SAW:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا تَسْتَعْمِلُنِي؟ قَالَ فَضْرَبَ بِيَدِهِ عَلَى مَنْكِبِي، ثُمَّ قَالَ يَا أَبَا ذَرٍّ إِنَّكَ ضَعِيفٌ، وَإِنَّهَا أَمَانَةٌ، وَإِنَّهَا



يَوْمَ الْقِيَامَةِ خِزْيٍ وَنَدَامَةٍ إِلَّا مَنْ أَخَذَهَا بِحَقِّهَا وَأَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا

“Wahai Rasulullah! Kenapa engkau tidak memberi jawatan kepadaku? Baginda SAW menepukkan tangannya di atas bahuku kemudian bersabda: “Wahai Abu Dzar, sesungguhnya engkau lemah sedangkan jawatan adalah amanah. Ianya pada hari kiamat nanti adalah penghinaan serta penyesalan kecuali mereka yang mengambilnya dengan cara yang betul dan menunaikan kewajipannya.”

(Riwayat Muslim).

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Sekali lagi, di tangan kita semua terletak hak bagi menentukan pemimpin yang mampu memperbaiki kerosakan dan masalah integriti sedia ada, membuka jalan dan menuju kecemerlangan dan kegemilangan masa depan negara. Justeru, bagi merealisasikan pemimpin dan masa depan negara yang ideal serta dihormati, beberapa faktor perlu dan hendaklah dilihat dan dinilai oleh kita semua dengan akal yang sihat, berpandukan ilmu pengetahuan yang benar, pengalaman masa lalu dan situasi persekitaran semasa.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,

Siapa bakal dipilih menjadi pemimpin merupakan faktor utama bagi umat Islam kerana pemimpin yang dipilih adalah potensi masa depan dan tonggak kepada kejayaan sebuah pentadbiran negara yang berintegriti dan gilang gemilang. Malaysia sebagai sebuah negara majoriti Islam, calon pemimpin yang dipilih mestilah mempunyai karakter yang kuat,



bekerja keras dan mempunyai inisiatif dan daya usaha, bijaksana di dalam kepelbagaian ras, bangsa dan agama. Pemimpin negara untuk Malaysia yang hebat memerlukan pemimpin yang berpegangan teguh kepada prinsip-prinsip agama Islam, berintegriti dan bermoral tinggi. Pemimpin masa depan hendaklah mampu menentukan sesuatu dengan tepat dan betul serta hendaklah menjaga semua unsur-unsur penting kedudukan Islam, umat Islam serta agama dan bangsa lain. Pemimpin masa depan juga hendaklah mampu memacu kemajuan spiritual dan fizikal yang seimbang dan membina asas-asas perpaduan sebuah negara mengikut kerangka yang ditetapkan.

Dalam Islam seorang pemimpin hendaklah memiliki dan mengamalkan empat sifat iaitu siddiq atau jujur sehingga dapat dipercayai peribadi, ucapan serta tindakannya; tabligh atau penyampai yang berkemampuan dalam berkomunikasi serta berunding; amanah atau bertanggungjawab dalam menjalankan tugasnya; dan fatanah atau cerdas dalam mengatur perancangan, strategi serta implementasinya. Salah dalam memilih calon bakal mengundangi negara yang tidak stabil dan kucar kacir. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW ditanyakan bilakah kiamat? Sabda Baginda SAW:

فَإِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ، قَالَ: كَيْفَ
إِضَاعَتُهَا؟ قَالَ: إِذَا وُسِّدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ
السَّاعَةَ

“Apabila amanah disia-siakan maka tunggulah hari kiamat.” Katanya: Bagaimana yang dikira mensia-siakannya? Sabda Baginda SAW: “Apabila



diserahkan urusan kepada orang yang bukan ahlinya maka tunggulah kiamat.”.

(Riwayat al-Bukhari).

Jangan memilih pemimpin yang hanya mengelek agamanya. Fakta sejarah menunjukkan ramai pemimpin dan kelompok yang membungkus perjuangannya dengan agama, janji menjaga bangsa, mempamerkan ketelusan dan amanah, namun setelah berkuasa segalanya berubah. Hakikatnya, ketika berkuasa, hanya berlaku tindakan menjaga kepentingan kelompok dan kekuasaan, balas dendam dan saling menyalahkan sejarah masa lalu. Apabila berkuasa, agenda menjaga Islam dan hak orang Islam bertukar kepada membela individu tertentu atau kelompok sendiri berbanding membela rakyat. Hasilnya, gagal menjaga kesatuan bangsa, kestabilan politik dan kehormatan negara sebagaimana didambakan oleh kita semua.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Janji seorang pemimpin dari kumpulan tertentu atau manifesto merupakan satu dokumen pemasaran idea, harapan dan masa depan. Manifesto ialah pernyataan perancangan sesebuah kumpulan yang memperincikan peranan dan perubahan yang akan dilaksanakan pada masa depan. Manifesto tidak boleh hanya menjadi alat atau janji dalam mempengaruhi minda serta persepsi rakyat tentang masa depan. Jangan kerana keghairahan kuasa yang bakal dimiliki oleh pemimpin, manifesto populis dibuat untuk menduduki puncak kuasa dan hakikatnya membohongi rakyat semata-mata. Akhirnya beralasan manifesto bukan 'kitab suci' yang wajib dipatuhi.



Hadis riwayat Ma'qil bin Yasar (مَعْقِلَ بْنَ يَسَارٍ) Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda mengingatkan:

مَا مِنْ عَبْدٍ يَسْتَرْعِيهِ اللَّهُ رَعِيَّةً، يَمُوتُ يَوْمَ يَمُوتُ
وَهُوَ غَاشٌّ لِرَعِيَّتِهِ، إِلَّا حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ

“Tidaklah seorang hamba yang dibebani amanah oleh Allah SWT untuk memimpin rakyat lalu mati dalam keadaan menipu (khianat) kepada rakyatnya melainkan Allah SWT akan mengharamkan syurga baginya.”

(Riwayat Muslim).

Manifesto perlulah realistik dan bersifat komprehensif yang meliputi setiap aspek keperluan rakyat dan masyarakat, kestabilan politik, keselamatan negara dan ketenteraman awam. Janji masa depan adalah terlalu berharga bagi rakyat dan negara untuk dikorbankan demi mencapai matlamat politik jangka pendek individu atau kumpulan tertentu. Sesungguhnya kepentingan Islam, Melayu, umat Islam dan Bumiputera sangat perlu diutamakan. Kedudukan Raja-raja Melayu, institusi agama dan hak-hak orang Melayu wajib dipertahankan, dalam masa yang sama tidak meminggirkan hak-hak agama dan bangsa lain.

Kaum Muslimin yang berbahagia,

Mandat merupakan 'kuasa rakyat' yang diberikan kepada pemimpin atau sesuatu kumpulan sebagai pengemudi dalam membawa aspirasi rakyat. Pemimpin menurut Islam adalah umarak atau uli al-amr iaitu orang yang mendapat amanah menguruskan urusan rakyat. Selain itu, pemimpin adalah pelayan atau khadam umat. Selepas pemimpin dipilih dengan 'kuasa rakyat', maka pemimpin dan pasukannya hendaklah mengamalkan



politik matang yang berpaksikan kepada kepentingan rakyat dan negara. Hentikan pertikaian dan suara-suara politik yang berpanjangan sehingga menggugat kestabilan pemerintahan dan negara ini. Bangunkan negara bersama dan melalui proses semak dan imbang yang bertanggungjawab demi kesejahteraan rakyat. Landskap politik lalu penuh tragis dan mendukacitakan rakyat dan memalukan negara, apabila negara mencatatkan sejarah "katak lompat" dengan tempoh tidak sampai 5 tahun, tiga Perdana Menteri pada kedudukan goyah mengepalai negara ini. Sejarah yang tercatat seharusnya membuka mata seluruh rakyat Malaysia agar kemelut yang berlaku tidak akan berulang kali.

Hadirin yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita sama-sama menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa memilih dan mengangkat pemimpin yang jujur, amanah dan menjadi hamba kepada rakyat adalah penting untuk membuka ruang bagi negara ini menjadi negara yang sejahtera dan mendapat keredhaan Allah SWT.

2. Kekuatan ekonomi dan kesejahteraan negara hanya boleh dicapai dengan kestabilan politik, sikap pemimpin dalam melaksanakan amanah, warga negara yang saling hormat menghormati, mengetahui dan mengiktiraf hak orang lain dan dalam masa yang sama menjalankan tanggungjawabnya sebagai rakyat dengan baik.

3. Pimpinan dan orang Islam hendaklah menyedari bahawa jawatan atau kedudukan dalam Islam bukan *tashrif* (kemuliaan) sebaliknya taklif iaitu beban yang akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT, tidaklah untuk bermegah-megah dengan mengumpul harta,



bersenang-lenang atau bermewah-mewah untuk dunia yang hanya sementara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَدَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ
بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ
عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٢٦﴾

“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu.”

(Sad: 26)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَا
وَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُؤَيِّدَ عَهْدَ سَلَاطُونِ، تَعَاوَنَ أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ ﴿٢٠١﴾



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.